

22 SEP 1997

Muhyiddin-Peraturan

PERSATUAN SUKAN PERLU PATUHI PERATURAN, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Persatuan-persatuan sukan tanahair yang tidak mematuhi peraturan-peraturan sukan antarabangsa menimbulkan masalah kepada pihak penganjur dan juga memburukkan imej persatuan itu sendiri, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, perbuatan persatuan-persatuan terbabit akan awasi oleh Kementerian di masa depan dan mereka tidak seharusnya memandang ringan akan perkara itu.

"Persatuan-persatuan ini seharusnya lebih bertanggungjawab kerana ini melibatkan soal disiplin. Mereka sepatutnya lebih tahu tentang perkara itu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan selama sejam ke gelanggang boling padang yang akan digunakan untuk Sukan Komanwel tahun depan, di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata demikian ketika diminta mengulas terdapatnya persatuan-persatuan sukan yang masih belum mengemukakan borang atlit mereka walaupun sudah melebihi tarikh tutup pendaftaran.

Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (OCM), Sieh Kok Chi berkata semalam Kongres Tenpin Boling Malaysia (MTBC) yang membariskan atlit elit bertaraf dunia dan Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia masih belum menyenaraikan atlit mereka untuk Sukan SEA.

Muhyiddin berkata, perkara ini tidak sepatutnya berlaku dan merasa hairan dengan sikap segelintir persatuan sukan yang sengaja melewatkan pendaftaran atlit mereka sedangkan perkara ini membabitkan imej persatuan itu sendiri.

"Walaupun saya difahamkan oleh persatuan-persatuan sukan bahawa mereka akan mengadakan kejohanan untuk memilih atlit yang benar-benar layak tetapi tidaklah sampai melewatkan pendaftaran," katanya.

"Contohnya persatuan boling, jika mereka melewatkan pendaftaran, atlit yang berpotensi untuk merangkul pingat emas akan terlepas dan ini merugikan mereka dan juga negara," katanya.

Beliau berkata persatuan-persatuan itu seharusnya mengambil kira tempoh latihan yang telah mereka jalani, peluang untuk mengutip pingat emas dan yang penting sekali ialah soal disiplin.

Menyentuh mengenai terdapatnya pengurus-pengurus pasukan yang tidak menyertai kem bina semangat untuk Sukan SEA, Muhyiddin menggesa supaya pihak yang tidak menghadiri kem itu supaya hadir pada perjumpaan terakhir kontingen negara sebelum berlepas ke Jakarta.

Beliau berkata inilah waktunya pegawai-pegawai terbabit menunjukkan komitmen mereka kerana kem itu penting untuk meningkatkan disiplin mereka untuk diterapkan kepada atlit-atlit.

Beliau berkata pada perjumpaan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat sebelum kontingen negara bertolak ke Jakarta.

Sementara itu, Muhyiddin berkata walaupun kerja-kerja menyiapkan gelanggang boling padang yang sepatutnya siap bulan ini terlewat dua bulan, ia tidak menjejaskan persiapan kerana mereka masih mempunyai sembilan bulan sebelum Sukan Komanwel.

Beliau berkata penanaman rumput untuk projek yang menelan belanja RM43 juta itu akan dilakukan bulan depan dan padang itu akan diuji Januari tahun depan.

Beliau berkata kontraktor-kontraktor itu juga telah diarahkan untuk mencari alternatif lain untuk menambah ruang meletak kenderaan awam kerana

pada masa ini hanya 200 buah kenderaan sahaja boleh diletakkan dalam satu-satu masa.

Beliau berkata semasa urusan penyerahan padang itu, pihak Kementerian akan memastikan tidak ada kerja-kerja yang masih belum diselesaikan. --

BERNAMA

ERE PR